

09 APR 2000

Mahathir-Umno

DR MAHATHIR NASIHAT SEMUA CALON HENTI BERKEMPEN

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihati mereka yang akan bertanding pada pemilihan Umno Mei ini supaya berhenti berkempen.

"Saya berpendapat mereka perlu duduk di rumah dan tidak lagi berkempen," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas meninjau kemampuan sebuah hovercraft di Mines Resort di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno mahu semua ejen calon supaya turut menghentikan kempen mereka.

Beliau juga mengingatkan anggota-anggota parti agar membanteras politik wang.

"Tidak harus ada sesiapa pun menggunakan wang," katanya.

Khamis lepas, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Badawi berkata calon-calon yang menggunakan wang untuk meraih sokongan akan hilang kelayakan bertanding manakala mereka yang dipilih dan kemudiannya terbukti melakukan kesalahan itu, boleh digugurkan daripada jawatan berkenaan.

Dr Mahathir dan Abdullah telah memenangi jawatan presiden dan timbalan presiden tanpa bertanding setelah Tengku Razaleigh Hamzah, satu-satunya nama yang dicalonkan untuk kedua-dua jawatan itu tidak melepasi had layak bertanding kerana tidak mendapat bilangan pencalonan mencukupi.

Bagi jawatan Naib Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak sehingga kini telah menerima 146 pencalonan, Datuk Abdul Ghani Othman (75), Datuk Seri Abu Hassan Omar (55), Datuk Seri Osu Sukam (38), Datuk Seri Syed Hamid Albar (34), Tan Sri Muhammad Muhd Taib (30), Tan Sri Muhyiddin Yassin (29), Tengku Razaleigh Hamzah (14), Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali (3) dan Tan Sri Sanusi Junid (1).

Pemangku Ketua Pemuda Umno Datuk Hishamuddin Tun Hussein secara tidak rasmi telah dipilih sebagai Ketua Pemuda yang baru setelah menerima 164 pencalonan berbanding hanya satu bagi pencabarnya Raja Munir Raja Mustapha.

Bagi jawatan Naib Ketua Pemuda, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir telah menerima 124 pencalonan, Zein Isma Ismail (29), Mustafa Khalid (11) dan Zahid Zainul Abidin (1).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz sehingga kini telah menerima 91 pencalonan bagi jawatan Ketua Wanita berbanding 69 untuk penyandang jawatan itu Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Bagi jawatan Naib Ketua Wanita, Datuk Shahrizat Abdul Jalil mengatasi pencabar-pencabar yang lain dengan 88 pencalonan, diikuti Ainon Khariyah Abas (48) dan Datuk Napsiah Omar (24).

Enam bahagian di Pahang bermesyuarat hari ini manakala Bahagian Bandar Tun Razak dijangka bermesyuarat 12 April. Umno mempunyai 165 bahagian.

-- BERNAMA

MHI MAI